

Berikan seniman itu makan

DARYL KHOO

BRENDA NG

冬季的旋律

RHYTHM OF WINTER

written & directed by SAIFUL NANG produced by CS MEDIA
a SAIFUL NANG FILM director of photography AHMAD HAFIZUDDIN
second unit DINIE MASJUKI art direction SAIFUL NANG
editor OMAW executive producer AZMAN SALIKIN
logistic AWE (HANGZHOU)

www.candidsyndrome.com



saiful nang
Academy
of Photography

vimeo

You
Tube

f

ONLINE ON 12 JUNE 2011

Alhamdulillah, momentum kejayaan Karipap Nabilah yang menjadi debut kami dalam memperkenalkan konsep filem pendek untuk perkahwinan telahpun mendapat perhatian yang sangat hebat di pasaran. Terbaru, kami terbang 5 ribu kilometer ke Hangzhou China semasa suhunya sangat menggigit jari-jari. Apapun, kepuasan bekerja dan pelaksanaan idea merupakan sesuatu yang pada kami nikmat sebagai seniman dalam bidang visual ini. Maka dengan itu, kami bertarung atas semua kekangan alam untuk menghasilkan tidak lain hanya yang terbaik sahaja.

Hasilnya, sangat baik. Sesuatu yang dilakukan dengan hati pastinya dapat menyentuh hati orang lain. Apapun, belum habis kegembiraan itu dalam memaparkan sesuatu yang lain dengan ego seorang seniman yang pantang sekali meniru ataupun mencedok idea orang lain, kami dikejutkan dengan pihak yang mengambil jalan lain dengan mengupah cinematographer dan fotografer lain tetapi memberikan link kami untuk mereka cedok. Hasilnya kepada pelanggan ialah sesuatu yang lebih murah. Dalam hal ini, saya juga tidak dapat menyalahkan sesiapa. Apapun, hidup perlu diteruskan.

Pada masa ini, ledakan gaya baru ini mungkin difikirkan berkos tinggi untuk kebanyakan pasangan yang bakal mendirikan rumahtangga tetapi kami berharap, kami akan diberikan peluang untuk cabang-cabang lain. Ikutkan hati, filem penuh yang ditayang dipawagam itu mahu saya realisasikan. Tetapi selain dari itu, kami juga mengintai peluang-peluang setelah bersedia dari semua aspek untuk pembikinan filem cereka, siri-siri TV, iklan, PSA, video korporat dan banyak lagi yang berkaitan dengan seni visual ini.

Kepada anda semua para pembaca budiman, sekiranya anda bekerja, berkerabat atau kenal ataupun anda pembuat keputusan dalam organisasi anda yang memerlukan keperluan untuk video dan foto, kami berharap anda boleh letakkan nama kami sebagai pilihan utama. Kualiti yang kami berikan dengan kepakaran yang ada, kami tidak menjanjikan kos yang rendah tetapi yang pasti, kami mampu berikan yang terbaik kepada pelanggan kami. Berikut

adalah wishlist kerja yang saya inginkan;

1. Video korporat syarikat penerbangan
2. Video korporat syarikat perhotelan dan pelancongan
3. Video syarikat minyak
4. Video korporat syarikat perkapalan
5. PSA (Public Service Announcement) untuk syarikat telekomunikasi
6. PSA untuk GLC & PLC
7. Progress Video untuk projek mega
8. Dokumentari sejarah
9. Realiti TV
10. Apa-apa yang mencabar

Saya awali sokongan anda dengan ucapan jutaan terima kasih. Saya ingin berkongsi satu cerita bagaimana pemusik jalanan menghiburkan kita. Dan kita dengarnya sepanjang hari tetapi apabila pemusik itu mengedarkan tabungnya untuk diisi, kita lari dari mereka. Demikian jugalah kami, yang mempunyai puluhan ribu peminat dan kami harap, anda jalankanlah sokongan anda dengan memanjangkan berita kebolehan kami ini kepada pihak yang mempunyai keperluan. Anda akan lihat kami sentiasa terus beraksi di sini kerana kami mampu berdiri dan hidup bukan dengan sokongan suara sahaja, tetapi dengan sokongan material yang anda berikan melalui rekomendasi.

Ini adalah kerja atas dasar minat, tetapi jika minat ini tidak mendatangkan apa-apa hasil secara material, kami juga terpaksa berundur seperti sebahagian seniman handalan negara yang merajuk hati ke luar negara dek kerana nilai apresiasi di tanah sendiri sangat rendah. Ayuh kawanku semua, berilah seniman itu makanan!

SAIFUL NANG

MPA (UK), WPPI (USA), WPJA, B.SC Media (MMU)

CEO / Principal Photographer

Colours of Asia Sdn Bhd
CandidSyndrome International
+60380766878 (HQ)
+6738880639 (Brunei)
+6013 3977715 (Mobile)

[Saiful Nang](#) | [Promote Your Page Too](#)



F.E (FAST EDIT) – [] & [] – [] [] – Su Chung & Wai Kuan

[] & [] Su Chung & Wai Kuan got married in Melbourne last year and having their Chip San Leong in their homegrown land, Kota Kinabalu. One thing I like most about both families, they are very humble and successful people. Father of Su Chung is a specialist doctor but devoted his life to educate the native people in Sabah. Forked out his hard earned money to build school for the native and many more.

We shoot [] (Chip San Leong) in KK in the morning and having this video presentation during their dinner time at Shangri La Tanjung Aru. Means, we only have less than 5 hours to edit and thank god, we managed to do it.

Here is the great line-up for the wedding of Su Chung & Rachel with some production details.

Art Director : Saiful Nang
Film Crew Captain : Hafiz
Cinematographer 1 : Ahmad Hafizuddin
Cinematographer 2 : Ku Mustafa

Cinematographer 3 : Ahmad Qaiyum

Main Photographer : Saiful Nang

Venue : Shangri La Tanjung Aru, Kota Kinabalu

Editing software : iMovie , FCP

Camera : Canon EOS system

Lens : 85mm 1.2 , 50mm 1.2, 24mm 1.4, 16-35mm 2.8, 24-70mm 2.8, 70-200mm 2.8

We had so much fun covering this wedding with a fantastic experience during the dinner especially on the pocho-pocho and sumazau dance. It was a mixture of Malay, Chinese, Kadazan Dusun and many others.

As for now...enjoice!

SAIFUL NANG

MPA (UK), WPPI (USA), WPJA, B.SC Media (MMU)

CEO / Principal Photographer

Colours of Asia Sdn Bhd

CandidSyndrome International

+60380766878 (HQ)

+6738880639 (Brunei)

+6013 3977715 (Mobile)

[Saiful Nang](#) | [Promote Your Page Too](#)



[Review Short Film : Karipap Nabilah](#)



Assalamualaikum dan salam sejahtera kepada semua peminat CandidSyndrome. Alhamdulillah, karya Karipap Nabilah setelah 5 hari ditayangkan di Vimeo telahpun menampakkan sambutan yang luarbiasa dengan lebih 4,000 penonton di saluran itu. Mungkin ia masih terlalu muda untuk di angkat tinggi oleh penggemarnya tetapi saya yakin ia bukan satu karya mediocre yang minta disambut dengan baik.

Pulang kembali menysur sejarah perfileman saya boleh katakan, ini juga merupakan satu anjakan dalam industri perfileman apabila kos penerbitan sudah mula menurun dengan penggunaan teknologi filem berasaskan dslr. Justeru, ia mampu menjadi satu bahan bagi mereka yang menggemarnya untuk memilikinya pada hari persandingan mereka.

Filem pendek Karipap Nabilah telah mendapat perhatian daripada beberapa karyawan filem tempatan antaranya Saudara Azlim Ibrahim dari Fakulti Filem & Video, ASWARA yang mengatakan

“Karya ini (Karipap Nabilah) ini satu pendekatan segar yang baru dalam industri perkahwinan dan ia sesuatu yang digarap oleh seorang yang faham “bahasa filem” dan bukan sekadar seorang yang dipanggil kameraman”

Kata beliau yang ditemui di Rumah Pengasih Warga Prihatin Khamis yang lepas. Beliau sendiri berpendapat bahawa ini adalah satu karya yang bakal menjadi satu ikutan ramai kelak. Secara teknikalnya, mereka menyatakan kualiti audio merupakan satu-satunya cabaran besar yang ada dan perlu diberikan sedikit gilapan untuk menjadikan ia karya anugerah. Juga video ini tidak menjadi *stereotype* kerana tanpa sentuhan-sentuhan fizikal, peluk, cium dan bercumbu seperti video-video perkahwinan barat (juga tempatan) mesej yang mahu disampaikan tetap sampai dengan bahasa filem yang kemas. Ia sangat sesuai dengan gaya penerimaan orang Melayu yang masih konservatif bila tiba pada isu ini.



Sebagai pengarah filem pendek ini, saya meletakkan ini sebagai satu titik mula kepada satu pendekatan yang unik bagi setiap pasangan pengantin. Walaupun kos penerbitannya sudah saya nyatakan menjadi murah tetapi ia masih tetap mahal untuk tujuan mengadakan impak dalam presentasi perkahwinan. Secara gambaran kasar, kos penerbitan filem pendek untuk jangkamasa 5-15 minit adalah serendah RM4,500 dan boleh setinggi puluhan ribu dan semua itu bergantung kepada konsep dan papan cerita. Kepada peminat karya sebegini, jangan risau kerana kami pasti boleh mencadangkan anda bagi mendapatkan kos terendah dengan idea yang hebat.

Jika dilihat dalam sepanjang video ini, ia ada persamaan dengan filem pendek "Surat Seorang Ibu" yang saya arahkan pada tahun 2007 dahulu yang telah ditonton oleh lebih 3 juta penonton melalui saluran youtube candid syndrome, youtube prihatin, laman web prihatin, IKIM, RTM dan lain-lain saluran iaitu gerakan kamera adalah pegun. Kami kurang menggunakan gerakan kamera yang pelbagai tetapi lebih menggunakan pendekatan komposisi fotografi dan papan cerita sebagai tarikan utama.

Filem ini mengambil latar 70an tetapi sebenarnya tidak apabila ia melibatkan elemen-elemen kontra sepanjang cerita seperti facebook dan air tin poweroot. Pendekatan yang sama pernah digunakan oleh sutradara Hishamudin Rais dalam filem beliau ***Dari Jempoh ke Menchestee*** yang mana tidak ada *timeframe* yang spesifik. Secara tak langsung, ia menjadi bahan satira yang semulajadi yang menggamatkan *Sri Endon Ballroom* di Puspanitapuri Putrajaya semasa malam tayangannya.



Impak serta merta kami perolehi dengan lebih 7 pasangan mahukan pendekatan yang sama sementara lebih 20 lagi masih dalam proses perbincangan konsep. Walaubagaimanapun, kami hanya mempunyai satu pasukan produksi yang kecil yang hanya boleh menjalankan penggambaran maksima 5 kali sebulan. Ini

bermakna, buat masa ini, kami terpaksa memberi keutamaan kepada mereka yang cepat membuat pengesahan konsep dan juga deposit dari keseluruhan kos produksi.

Dari impak filem pendek ini juga, CandidSyndrome melaburkan lagi sebanyak RM30,000 untuk pembelian lensa-lensa yang berkualiti tinggi, kamera, grip, dan juga peralatan audio yang lebih baik. Sebagai pengarah juga, saya ucapkan terima kasih kepada mereka yang memberikan respon kepada karya ini sehingga ia boleh mewujudkan satu fenomena baru dalam bidang perkahwinan.

Selanjutnya, krew CandidSyndrome Media akan ke Hangzhou China bagi membuat satu lagi penggambaran filem pendek untuk pra-perkahwinan pasangan berbangsa Cina pada minggu hadapan dari 24-28 Januari 2011. Kami akan sentiasa memberikan fokus kepada jalan cerita dan idea yang segar serta unik untuk semua penggemarnya. Selanjutnya ke San Francisco pada bulan 3 nanti bagi tujuan yang sama untuk pasangan yang lain.

Bagi mereka yang masih belum menonton, sila lawati link ini <http://vimeo.com/18701168> bagi menghayatinya.

Terima kasih kepada anda semua. Jika anda sukakan video ini, sila "share" nya dengan rakan-rakan anda menggunakan fungsi embed atau tag dan juga menyebarkan link di atas ini kepada rakan-rakan anda di facebook sebagai satu tanda sokongan anda kepada sesuatu yang baru bermula.

Salam hormat

SAIFUL NANG

Sutradara

A Debut Wedding Short Film – Karipap Nabilah

Script & Director : Saiful Nang

Producer : Azman Salikin

Unit 1 Camera : Hafiz

Unit 2 Camera : Qaiyum

Clapperboard : Yuslan

Starring by : Basyar, Nabilah & Yuslan

Location : Kampung Sawah Sempadan, Tg. Karang

Location Owner : Sofian

This is our first attempt to create something different in prewedding film. It was a norm people shoot beauty shots and mtv kind of approach in their prewed video but this time, we tried something different.

The first challenge was, Nabilah came to our office and said that they are conventional and the guest of the wedding are conventional too. So, there'll be no typical physical contact in this video. Which mean, no kissing and no hugging. While Hafiz said it was hard, I said...I love the challenge. Hence, we came out with this idea. It doesn't need any physical contact between the bride and the groom and it's rated as "U" (Untuk Tontonan Umum) and not PG (Parental Guide) heheheh. One thing about this short film, it's an extremely low budget film. We wish to do it professionally with the involvement of many other gadget and gears to make the movie look nice. As for now, we let the strength of the movie be the storyline.

It was about 13 minutes presentation. It was a bit long for people to put their eyes on the screen. Because there are story inside the film, the whole 1000 viewers in the hall during the premiere (wedding) nailed their eyes into the film till the end. THank God, the idea became the talk of the hall.

We have invested more after this video to improve the quality of location audio and please welcome if you wish to have your's. It's tailor made to your story. Then, we'll modify it to make it better ☐

SAIFUL NANG

MPA (UK), WPPI (USA), WPJA, B.SC Media (MMU)

CEO / Principal Photographer

Colours of Asia Sdn Bhd

CandidSyndrome International

+60380766878 (HQ)

+6738880639 (Brunei)

+6013 3977715 (Mobile)

[Saiful Nang](#) | [Promote Your Page Too](#)

